

2 lelaki curi lembu

» Terdesak cari duit raya

Oleh Jaafar Mulup
bhnews@bharian.com.my

► Tampin

Terdesak mahu mencari duit raya, dua lelaki nekad mencuri seekor lembu di sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Gedok, Gemencheh, dekat sini, petang kelmarin.

Lembu disuntik
Bagaimanapun, tindakan

itu digagalkan dua anggota RELA yang ternampak suspek cuba menyumbat lembu yang pengsan akibat disuntik pelali ke dalam sebuah kereta, jam 6 petang.

Seorang anggota RELA terbabit, C Alumalai, 35, berkata dia yang kebetulan berada di kawasan itu terkejut melihat tindakan suspek.

"Mereka tidak melarikan diri, sebaliknya memanggil saya dan rakan untuk membantu mereka mengangkat lembu terbabit.

"Mereka mendakwa pemilik lembu itu meminta tolong menangkap lembu

itu dan membawanya pulang," katanya yang kemudian menghubungi polis kerana curiga dengan perbuatan suspek.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendan Wooi Kooi Cheang, berkata kedua-dua suspek berusia 25 dan 30 tahun yang didapati positif dadah itu direman bagi membantu siasatan.

"Siasatan mendapati seorang daripada suspek baru diberhentikan kerja sebagai kakitangan awam. Kita percaya mereka mahu menjual lembu untuk mendapatkan wang segera," katanya.